

27/01/2003

Semua pihak perlu hayati pandangan Dr Mahathir

Putera Johor

TIADA ada lagi tempat yang selamat di dunia ini, jika kita bermusuh dan berperang sesama sendiri. Perkara ini sudah pun dirasakan sekarang apabila

kuasa besar dengan angkuh, mahu menjajah dan menawan negara kecil.

Di sebalik itu, kuasa besar juga bimbang apabila nyawa rakyat mereka terancam.

Amerika Syarikat, contohnya, merasakan semua tempat tidak selamat bagi mereka. Amerika kerap memberi amaran kepada rakyatnya supaya jangan ke sesuatu negara kerana bimbang keselamatan mereka.

Bagi Washington, apa saja kepentingan Amerika di luar negara tidak lagi selamat.

Bukan itu saja, Amerika mengenakan pelbagai syarat ketat kepada orang luar, terutama dari negara Islam ke negara mereka. Ini menunjukkan tempat mereka sendiri pun tidak selamat.

Siapakah sebenarnya menjadikan dunia ini tidak selamat lagi untuk dihuni?. Oleh itu, semua pihak perlu menghayati pandangan Perdana Menteri

ketika bercakap pada sesi pleno 'Amanah dan Tataurus Untuk Era Baru' pada hari pertama Forum Ekonomi Dunia ke-33 di Davos, Switzerland, minggu lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengandaikan dunia hari ini berada di tengah-tengah kancah peperangan dunia ketiga, bukan lagi sekadar perang ke atas penganas atau pakatan antikeganasan.

Beliau menyifatkan perkembangan itu sebagai 'peperangan di antara paksi kejahatan melawan syaitan'. Dalam hal ini, masing-masing pihak menganggap mereka berada pada pihak benar serta berperang menentang kejahatan.

"Ia akan menjadi satu peperangan panjang berpunca daripada sifat kebencian, marah dan keperitan hidup yang menguasai jiwa.

"Masing-masing mahu membalas dendam. Kedua-dua pihak mahu bertindak balas. Kamu membunuh orang kami, kami bunuh orang kamu dan sebaliknya.

Ia berlaku terus-menerus. Kedua-dua pihak tidak lagi berfikiran waras," katanya.

Jika keadaan ini berlaku, di manakah tempat yang paling selamat untuk umat dunia hari ini.

Kita berharap perkara itu tidak berlaku dan boleh dielakkan. Rakyat Malaysia yang selama ini hidup dalam aman damai dan harmoni, tentu sekali

tidak mahu diheret dalam kancah peperangan. Pengalaman pahit ketika Perang

Dunia Kedua dan dijajah pastinya tidak mahu diulangi.

Datuk nenek kita yang pernah mengalami peristiwa itu, tidak akan

membenarkan sama sekali ia berlaku pada generasi kini. Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia yang cintakan kedamaian dan keamanan, kita sepatutnya memastikan tidak berlaku sebarang persengketaan sesama kita.

Biarkan kita berlainan agama, keturunan, bangsa atau fahaman politik, rakyat Malaysia perlu bersatu padu. Dalam hal ini, kita perlu memberi sokongan padu kepada pemerintah dalam memastikan keamanan berterusan di negara ini.

PUTERA JOHOR,  
Johor Bahru, Johor.